

## **NORHAYATI MOHD. SALLEH**

### **PILIHAN RAYA UMUM KE-12 (PRU-12): “TSUNAMI” POLITIK MELAYU?**

*Artikel ini disediakan bagi membincangkan politik pilihanraya dengan menumpukan perhatian terhadap orang-orang Melayu berkaitan dengan Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU-12) yang berlangsung pada 8 Mac 2008. Ia dibahagikan kepada lima bahagian: Bahagian 1 adalah keterangan ringkas tentang keputusan PRU-12; Bahagian 2 tentang pola pengundian; Bahagian 3 tentang sebab-sebab yang boleh dikaitkan dengan perubahan pola pengundian tersebut; Bahagian 4 menjelaskan kesan PRU-12 terhadap orang Melayu; dan Bahagian 5 pula tentang pandangan berkaitan langkah-langkah yang difikirkan sesuai untuk menanganinya. Bagaimanapun perbincangan kertas kerja ini akan ditumpukan kepada politik di Semenanjung sahaja kerana PRU-12 tidak melibatkan pilihan raya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak.*

*Katakunci: Pilihanraya, Melayu, Tsunami Politik*

*This paper seeks to discuss the twelfth General Election in Malaysia by focusing on the Malay voters. It is divided into five parts. The first part briefly discusses the result of the election. The second part looks into the voting pattern. The third part examines the factors behind the pattern. The fourth part analyzes the impact of the elections on the Malays. The fifth and final part offers suggestions to tackle the situation. This study focuses only on the Peninsular Malaysia because the General Election did not involve state election in Sarawak.*

*Keywords: Election, The Malays, Political Tsunami*

### **Keputusan PRU-12**

Umumnya dimaklumi bahawa dalam PRU-12 yang lalu Parti Barisan Nasional (BN) telah mengalami pencapaian keputusan terburuk di dalam sejarah pilihan raya di negara ini. BN hanya memenangi 140 kerusi Parlimen daripada 222 kerusi yang ditandinginya. Di peringkat DUN, BN hanya memenangi 307 kerusi daripada 505 kerusi yang ditandinginya. Daripada jumlah tersebut Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah memenangi 78 kerusi Parlimen, MCA 15 kerusi, MIC 3 kerusi, Gerakan 2 kerusi dan *People's Progressive Party* (PPP) tidak memenangi sebarang kerusi. Daripada segi analisa peratusannya boleh dikatakan bahawa calon-calon Parlimen PPP telah tewas 100%, Gerakan 80%, MIC 67%, MCA 62.5% dan UMNO 27.3%. Secara keseluruhannya, BN hanya mendapat 51.2% undi majoriti dan gagal untuk memperolehi 2/3 majoriti di Parlimen (Norhayati binti Mohd. Salleh 15 April 2008: 2).

Secara perbandingannya pencapaian parti-parti pembangkang atau Pakatan Rakyat (PR) yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), PAS dan Parti Tindakan Rakyat (DAP) adalah jauh lebih baik pada pilihan raya kali ini. Ini dapat dilihat daripada segi peningkatan kerusi Parlimen iaitu daripada 20 kepada 82, manakala kerusi DUN kepada 196 kerusi. Sehubungan ini PKR telah memenangi 31 kerusi Parlimen dan 42 kerusi DUN, Pas menang 23 Parlimen dan 83 DUN manakala DAP menang 28 kerusi Parlimen dan 71 kerusi DUN. Pencapaian BN berbanding dengan pembangkang adalah seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1 : Perbandingan Kerusi Parlimen yang Dimenangi BN dan Pembangkang pada tahun 2004 dan 2008

Barisan Nasional	2008		2004	
	Ditandingi	Menang	Ditandingi	Menang
UMNO	117	78	117	110
MCA	40	15	40	31
MIC	9	3	9	9
Gerakan	12	2	12	10
PPP	1	0	1	1
Lain-lain	45	43	40	38
Jumlah	222	140	219	199

  

Pembangkang (PR)	2008		2004	
	Ditandingi	Menang	Ditandingi	Menang
Pas	67	23	84	6
PKR	97	31	59	1
DAP	47	28	44	12
Lain-lain	45	0	40	1
Jumlah	-	82	-	20

Pada perspektif yang lain, pencapaian BN dalam pilihan raya kali ini juga lebih buruk berbanding dengan pilihan raya umum pada tahun 1969 yang Parti Perikatan (sekarang dikenali sebagai BN) hanya mendapat 68 daripada 118 kerusi Parlimen yang ditandingi dan tidak mendapat 2/3 majoriti di Parlimen. Pada masa itu perikatan hanya tewas di Kelantan dan Pulau Pinang tetapi dalam PRU-12 BN telah kehilangan Kelantan, Pulau Pinang, Kedah, Selangor dan Perak. Malahan pada tahun 1999 apabila UMNO berdepan dengan krisis penyingkiran Datuk Seri Anwar Ibrahim (DSAI), BN masih lagi mampu memperolehi 56.5% undi majoriti (*Berita Minggu* 16/3/2008 : 14). Pencapaian BN dalam sejarah pilihan raya umum adalah seperti dalam Jadual 2.

Kebanyakan penganalisis politik menggunakan istilah 'Tsunami politik' untuk menggambarkan gelombang penolakan terhadap BN. Kali ini BN bukan sahaja kalah di kawasan yang dianggap selamat malahan ramai pemimpin parti komponennya yang tewas. Lebih memeranjatkan lagi protes tersebut tidak sekadar memenangkan calon parti lawan malahan bilangan undi rosak dicatatkan paling besar dalam sejarah negara pada pilihan raya umum kali ini. Sehubungan ini bilangan undi rosak yang dicatatkan adalah sebanyak 322,461 undi. Dari jumlah tersebut 175,680 undi bagi kerusi Parlimen dan

146,781 undi bagi kerusi DUN. Lebih memeranjatkan lagi apabila bilangan undi rosak yang paling tinggi dicatatkan di Johor (iaitu 28,709 undi bagi kerusi Parlimen dan 25,455 undi bagi kerusi DUN) yang dianggap sebagai kubu kuat BN dan UMNO (Berita Minggu 10 Mac 2008 : 14).

Jadual 2 : Kekuatan Kerajaan dan Pembangkang di dalam Dewan Rakyat

TAHUN	Kerajaan			Pembangkang			Jumlah Kerusi
	Bil. Kerusi	% Kerusi	% Undi	Bil. Kerusi	% Kerusi	% Undi	
1959*	74	71.15	51.7	30	28.85	48.3	104
1964*	89	85.58	58.6	15	14.42	41.5	104
1969*	9 <sup>1</sup> 5	66.0	49.3	49	34.0	50.7	144
1974*	135	87.66	60.7	19	12.34	39.3	154
1978	130	84.42	57.2	24	15.58	42.8	154
1982	132	85.7	60.5	22	14.29	39.5	154
1986	148	83.62	55.8	29	16.38	41.5	179
1990	127	70.55	53.4	53	29.45	46.6	180
1995	162	84.38	65.2	30	15.62	34.8	192
1999	148	76.68	56.5	45	23.32	43.5	193
2004	198	90.41	63.9	21	9.59	36.1	219
2008	140	63.1	51.2	82	36.9	48.8	222

Sumber: Dewan Masyarakat Edisi Khas PRU12 2008: 31

Kebanyakan penganalisis politik menggunakan istilah 'Tsunami politik' untuk menggambarkan gelombang penolakan terhadap BN. Kali ini BN bukan sahaja kalah di kawasan yang dianggap selamat malahan ramai pemimpin parti komponennya yang tewas. Lebih memeranjatkan lagi protes tersebut tidak sekadar memenangkan calon parti lawan malahan bilangan undi rosak dicatatkan paling besar dalam sejarah negara pada pilihan raya umum kali ini. Sehubungan ini bilangan undi rosak yang dicatatkan adalah sebanyak 322,461 undi. Dari jumlah tersebut 175,680 undi bagi kerusi Parlimen dan 146,781 undi bagi kerusi DUN. Lebih memeranjatkan lagi apabila bilangan undi rosak yang paling tinggi dicatatkan di Johor (iaitu 28,709 undi bagi kerusi Parlimen dan 25,455 undi bagi kerusi DUN) yang dianggap sebagai kubu kuat BN dan UMNO (Berita Minggu 10 Mac 2008 :14).

\* Pada tahun 1959 dan 1964 Kerajaan adalah merujuk kepada Parti Perikatan.

\* Pada tahun 1959 dan 1964 Sabah dan Sarawak tidak menyertai pilihan raya umum.

\* Pada tahun 1969 Kerajaan terdiri dari Perikatan dan SUPP

\* Pada tahun 1974 kerajaan adalah BN

## Pola Pengundian

Gelombang penolakan terhadap BN begitu ketara dalam PRU-12 yang BN kalah di beberapa negeri, iaitu Pulau Pinang, Selangor, Perak, Kelantan, Kedah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada pilihan raya kali ini pengundi-pengundi Melayu telah memberi kemenangan kepada calon-calon Pas dan PKR di kawasan-kawasan yang ditandingi UMNO dan juga kepada calon-calon PKR atau DAP di kawasan-kawasan yang ditandingi oleh MCA / Gerakan / MIC / PPP. Majoriti pengundi-pengundi bukan Melayu pula telah mengundi untuk memberikan kemenangan kepada calon-calon PKR / DAP / Pas. Kedudukan kerusi hasil PRU-12 pada 2008 di negeri-negeri yang disebutkan di atas adalah seperti di dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 : Bilangan Kerusi yang Dimenangi Mengikut Negeri-negeri yang dikuasai Pembangkang

Negeri-negeri	BN		Pembangkang		Bebas (DUN)
	Parlimen	DUN	Parlimen	DUN	
Kelantan (14 Parlimen, 45 DUN)	2	6	12	39	
Perak (24 Parlimen, 59 DUN)	13	28	11	31	
Pulau Pinang (13 Parlimen, 40 DUN)	2	11	11	29	1
Kedah (15 Parlimen, 36 DUN)	5	14	10	21	
Selangor (22 Parlimen, 56 DUN)	5	20	17	36	
Wilayah Persekutuan (13 Parlimen)	3		10		

Sumber : *New Straits Times* : 10 Mac 2008 : 5-11

Di Kelantan misalnya, BN yang pada pilihan raya umum 2004 memenangi 7 kerusi Parlimen dan 22 kerusi DUN telah merosot pencapaiannya kepada 2 kerusi Parlimen dan 6 kerusi DUN dalam pilihan raya umum kali ini. Hal yang sama turut berlaku di Kedah di mana pada pilihan raya umum 2004 BN telah memenangi 14 kerusi Parlimen dan 30 kerusi DUN tetapi kali ini BN hanya memenangi 5 kerusi Parlimen dan 14 kerusi DUN. Kebanyakan calon-calon BN di Kelantan telah tewas kepada PAS dan di Kedah mereka telah tewas kepada calon-calon PKR dan Pas. Di Kedah, pengundi-pengundi telah memberi kemenangan kepada calon-calon PKR bagi kawasan-kawasan yang ditandingi MCA / MIC / Gerakan. Sehubungan ini PKR telah memenangi kerusi di Padang Serai, Kulim, Lunas, Sidam dan Bakar Arang yang dahulunya dimenangi oleh calon-calon MCA / MIC / MIC (*New Straits Times* 10 Mac 2008 : 5-11).

Penolakan pengundi-pengundi bukan Melayu terhadap calon-calon BN amat jelas di Pulau Pinang, Selangor, Perak dan Wilayah Persekutuan yang hampir semua calon MCA / MIC dan Gerakan telah tewas kepada calon-calon pembangkang pada pilihan raya umum kali ini. Di Pulau Pinang, BN telah memenangi 2 kerusi Parlimen dan 11 kerusi DUN yang kesemuanya terdiri daripada calon-calon UMNO. Di Selangor, parti komponen BN selain daripada UMNO hanya memenangi 1 kerusi Parlimen dan 2 kerusi

DUN daripada 12 kerusi Parlimen dan 21 kerusi DUN yang ditandingi. Di Wilayah Persekutuan, kesemua 3 kerusi Parlimen yang dimenangi terdiri daripada calon-calon UMNO.

Di negeri-negeri lain juga terdapat penolakan terhadap calon-calon BN tetapi tidak begitu ketara seperti di kelima-lima negeri yang telah disebutkan di atas. Sebagai contohnya di negeri Johor, UMNO telah memenangi kesemua 15 kerusi parlimen dan 32 daripada 34 kerusi DUN yang ditandingi. Di Melaka pula, kesemua calon-calon UMNO telah memenangi semua kerusi Parlimen dan DUN yang ditandinginya. Walau bagaimanapun undi majoritinya telah berkurangan di kesemua kawasan yang ditandinginya (*New Straits Times* 10 Mac 2008 : 40).

Penolakan pengundi-pengundi bukan Melayu dan ditambah dengan kemerosotan sokongan pengundi-pengundi Melayu terhadap calon BN menyebabkan majoriti calon-calon MCA / MIC / Gerakan telah tewas pada pilihan raya kali ini (Suara Keadilan 12 Mac 2008 : 6). Pada PRU12 MCA hanya memenangi 15 kerusi parlimen daripada 40 kerusi yang ditandinginya, MIC hanya memenangi 3 kerusi Parlimen dari 9 kerusi yang ditandinginya manakala Gerakan hanya memenangi 2 kerusi Parlimen daripada 12 kerusi yang ditandinginya (*New Straits Times* 10 Mac 2008 : 40). Butir-butir lanjut mengenai pola pengundian di setiap negeri bagi kerusi Parlimen dan DUN adalah seperti di Jadual 4, 5, 6, 7 dan 8.

Jadual 4 : Kedudukan Kerusi DUN dalam PRU-12

BN	Perlis		Kedah		Penang		Perak		S'gor*		N.S*		M'ka*		Johor	Phg*		Trg*		K'tan*		Sbh*	
	T	M	T	M	T	M	T	M	T	M	T	M	T	M	T	T	M	T	M	T	M	T	M
UMNO	13		28		15		34		35		21		18		34	31		31		44	36		34
MCA	12		12		11		27		18		18		18		32	29		23		1			33
MIC	2		4		10		16		14		11		8		15	8		1		1			1
Gerakan	2		1		0		1		2		2		4		12	6		1					1
PPP			2		2		4		3		3		1		4	1							
Lain-lain			0		0		0		0		1		1		4	1							
			2		13		4		4		2		1		3	2							
			1		0		0		0		0		0		2	1							25
							1																23
							0																
JUMLAH	15		36		40		59		56		36		28		56	42		32		45	6		60
	14		14		11		28		20		21		23		50	37		24					57

PR	Perlis		Kedah		Penang		Perak		S'gor*		N.S*		M'ka*		Johor T M	Phg*		Trg*		K'tan*		Sbh*	
	T	M	T	M	T	M	T	M	T	M	T	M	T	M		T	M	T	M	T	M	T	M
Pas	12		24		5		23		19		13		13		39		27		29		39		2
PKR	1		16		1		6		8		1		0		2		2		8		38		0
DAP	3		10		16		21		21		12		7		9		7		5		12		60
Lain- lain	0		4		9		7		15		4		0		0		2		0		1		0
			2		20		22		15		11		8		12		18						10
			1		19		18		13		10		5		4		2						1
																							73
																							1

Sumber : *New Straits Times* : 10 Mac 2008 : 40

- \* S'gor merujuk kepada Selangor
- \* N.S merujuk kepada Negeri Sembilan
- \* M'ka merujuk kepada Melaka
- \* Phg merujuk kepada Pahang
- \* Trg merujuk kepada Terengganu
- \* Sbh merujuk kepada Sabah
- \* PR merujuk kepada Pakatan Rakyat

Jadual 5 : Pencapaian MIC dalam PRU-12

Kawasan	Jumlah Kerusi	Menang	Peratus
Parlimen	9	3	33.3
DUN	19	8	44.4

Sumber : *New Straits Times* : 10 Mac 2008 : 40

Jadual 6 : Pencapaian MCA dalam PRU-12

Kawasan	Jumlah Kerusi	Menang	Peratus
Parlimen	40	15	37.5
DUN	83	32	38.5

Sumber : *New Straits Times* : 10 Mac 2008 : 40

Jadual 7 : Pencapaian UMNO dalam PRU-12

Kawasan	Jumlah Kerusi	Menang	Peratus
Parlimen	117	78	66.7
DUN	338	239	70.7

Sumber : *New Straits Times* : 10 Mac 2008 : 40

Jadual 8 : Pencapaian Kerusi Parlimen dan DUN Bagi Parti-parti yang Bertanding dalam PRU-12

Parti	Jumlah Kerusi	
	Parlimen	Negeri
BN	140	307
PKR	31	42
DAP	28	71
Pas	23	83
Bebas		2

Sumber : *New Straits Times* : 10 Mac 2008 : Hal. 1

### Sebab-sebab Berlakunya Perubahan Pola Pengundian

Ada beberapa faktor yang boleh dikaitkan dengan arus penolakan terhadap BN oleh pengundi-pengundi dalam pilihan raya umum kali ini. Faktor-faktor tersebut boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu faktor dalaman dan faktor luaran.

#### Faktor Dalaman BN

Salah satu faktor dalaman BN yang boleh dikaitkan dengan perubahan pola pengundian ialah percaturan pemimpin pemuda UMNO yang meletakkan ramai muka-muka baru sebagai calon yang bertanding dalam PRU-12. Pada pilihan raya umum kali ini terdapat 147 orang calon pemuda BN iaitu 46 di peringkat Parlimen dan 101 di peringkat DUN. Daripada segi nisbahnya jumlah peratusan muka-muka baru ialah 20.7% atau 147 : 727 orang. Sebahagian besar daripada calon-calon tersebut adalah calon-calon daripada Pemuda UMNO. Bilangan mereka adalah seramai 130 orang iaitu 38% (130 : 338). Ada pihak yang mengaitkan lambakan ini sebagai percaturan pemimpin pemuda UMNO untuk menghadapi pemilihan pucuk pimpinan parti pada tahun ini (*Dewan Masyarakat Edisi Khas PRU-12 : 2008 : 36*).

Faktor dalaman BN yang boleh dikaitkan dengan perkara di atas ialah ketidakpuasan hati di kalangan pemimpin UMNO yang digugurkan daripada bertanding dalam PRU-12. Kebanyakan muka-muka lama tidak berpuas hati kerana mereka tidak diajak berunding sebelum digugurkan daripada senarai calon yang bakal bertanding. Kebanyakan muka lama terdiri daripada mereka yang mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan mempunyai penyokong yang ramai di sesuatu kawasan. Akibatnya calon-calon baru tidak mendapat sokongan daripada pengundi di sesuatu kawasan pilihan raya yang majoritinya masih menyokong wakil rakyat yang telah digugurkan. Terdapat pemerhati politik yang mengatakan calon-calon baru tersebut adalah berisiko kerana kurang dikenali dan tidak mendapat sokongan daripada calon-calon penyandang (*New Straits Times* 10 Mac 2008 : 6). Sebagai contohnya BN telah menurunkan 15 calon baru di Terengganu dan 6 daripadanya tewas. Contohnya Ahmad Ramzi yang menggantikan Abdul Rahman Bakar telah tewas kepada calon Pas di Marang. Keadaan seperti ini tidak sepatutnya berlaku, sekiranya terdapat ikatan yang utuh dalam UMNO, mungkin keputusannya akan lebih baik. Malah Perdana Menteri merumuskan bahawa kekalahan

calon BN di beberapa kawasan di Kedah dan Perak adalah akibat perbuatan sabotaj oleh ahli-ahli UMNO sendiri (*New Straits Times* 7 April 2008 : 4).

Satu lagi faktor dalaman BN yang mendorong kepada penolakan pengundi terhadap BN juga boleh dikaitkan dengan status calon-calon lama yang dicalonkan semula. Sebahagian daripada mereka mempunyai beberapa masalah yang berkaitan dengan tuduhan rasuah, jenayah, penyalahgunaan kuasa dan pemilikan harta yang berlebihan. Antara mereka yang dimaksudkan ialah Samy Velu, Rafidah Aziz, Muhammad bin Mohd Taib, Nazri Aziz, Khir Toyo, Azalina Othman said, Musa Aman, Ling Hee Leong, Johari Baharom, Chan Kon Choy dan lain-lain lagi.

Kaedah pemilihan calon-calon juga merupakan faktor dalaman BN yang menyebabkan ketidakpuasan hati di kalangan ahli parti dan seterusnya mendorong kepada penolakan terhadap BN. Sebagai contoh ramai calon MCA yang tewas kerana pemilihan mereka adalah ditentukan oleh Presiden MCA sendiri dan beliau menggunakan taktik intipan untuk menjatuhkan musuh-musuh dalaman yang lain ( *New Straits Times* 15 April 2008 : Hal. 16). Hal yang sama juga berlaku di dalam MIC di mana Presiden MIC telah mencantas sesiapa sahaja yang tidak sehaluan dengannya. Ramai orang India yang tidak menyukai beliau sehingga terdapat laporan yang mengatakan sehari sebelum pilihan raya telah diadakan sembahyang di kuil-kuil Hindu agar Samy Velu mati atau kalah dalam PRU12 (*Suara Keadilan* 12 Mac 2008 : 11).

## **Faktor Luaran**

Kemenangan BN kali ini menang jauh lebih rendah daripada pilihan raya yang terdahulu. Ini mungkin disebabkan oleh kurangnya keberkesanan dalam perancangan dan pelaksanaan usaha-usaha pembangunan dan pembaharuan yang merangkumi pembaharuan dalam bidang kehakiman, pengurangan kadar jenayah, kenaikan harga barangan, usaha-usaha meningkatkan peluang-peluang pekerjaan. Perkara ini diakui sendiri oleh Perdana Menteri.

*It showed that what we had planned and implemented was not enough.*

*(New Straits Times 7 April 2008 : 4)*

Sementara itu di sepanjang tahun 2007 terdapat beberapa kes yang melibatkan kenaikan kadar tol, harga barangan, berlakunya peningkatan kadar jenayah serius seperti pembunuhan dan rompakan, aduan rasuah, tuntutan kenaikan gaji pekerja akibat kenaikan kos sara hidup, tuntutan pelajar-pelajar universiti, tunjuk perasaan yang mahukan pilihan raya lebih adil, tunjuk perasaan oleh penduduk setinggan, perhimpunan HINDRAF dan beberapa kes penyalahgunaan kuasa.

Kegetiran ekonomi disebabkan oleh peningkatan harga barangan dan perkhidmatan yang membuak-buak juga membakar rasa tidak puas hati terhadap perancangan dan pelaksanaan polisi kerajaan selama ini. Kesengsaraan ini amat dirasai oleh majoriti penduduk bandar dan luar bandar yang berpendapatan rendah dan sederhana (Norhayati binti Mohd. Salleh 15 April 2008 : 8).

Percanggahan antara manifesto BN dan peranan media massa semasa kempen pilihan raya sedang berjalan juga boleh dikaitkan dengan faktor luaran yang mendorong



kepada penolakan terhadap BN. Sehubungan ini BN dalam kempenya meuar-uarkan tentang keselamatan negara tetapi di pihak media massa memperingatkan orang awam tentang ancaman keselamatan awam.

## **Kesan PRU-12 Terhadap Orang Melayu**

Dalam masa yang terdekat selepas PRU-12 beberapa kesan pilihan raya terhadap orang-orang Melayu telah mula kelihatan. Antaranya:

### **1. Orang Melayu merasa tidak puas hati terhadap pembahagian/perlantikan jawatan bagi kerusi kabinet dan negeri**

PRU-12 sebenarnya telah memberikan kesan langsung ke atas orang Melayu sekiranya dilihat daripada segi pembahagian/perlantikan jawatan bagi kerusi kabinet dan negeri.

Sehubungan ini bilangan menteri daripada MCA yang dilantik adalah seramai 4 orang, iaitu sama seperti sebelum PRU-12. Perkara ini amat memeranjatkan banyak pihak termasuk presiden MCA sendiri kerana prestasi MCA dalam pilihan raya kali ini sangat buruk (*New Straits Times* 19 Mac 2008 : Hal. 10). Hal yang sama juga berlaku pada MIC, walau pun prestasinya telah merosot sebanyak 67% tetapi masih dikekalkan 2 jawatan timbalan menteri dan seorang menteri. Gerakan yang hanya memenangi 2 kerusi Parlimen tetapi mendapat 2 jawatan timbalan menteri. PPP yang tidak memenangi sebarang kerusi masih diberi satu jawatan timbalan menteri. Ini ternyata pembahagian tersebut adalah tidak mengikut pencapaian prestasi parti komponen BN dalam PRU-12 (*New Straits Times* 19 Mac 2008 : Hal. 14) dan menyebabkan rasa tidak puas hati di kalangan orang-orang Melayu. Terdapat dakwaan yang mengatakan bahawa lebih 30 ahli Parlimen yang tidak berpuas hati ingin menyertai Pakatan Rakyat (seperti yang didakwa oleh pemimpin *de facto* PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim) bagi menubuhkan kerajaan mereka pada peringkat Persekutuan (*New Straits Times* 19 Mac 2008 : Hal. 14). Pemimpin *de facto* PKR ini telah mendakwa bahawa Pakatan Rakyat akan dapat menguasai kerajaan Persekutuan selewat-lewatnya pada bulan Ogos 2008. Beliau juga mendakwa akan menjadi Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu (*Suara Keadilan* 7 Mei 2008 : Hal. 1). Sehubungan ini bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir telah menasihati para pemimpin BN supaya memandang serius terhadap dakwaan tersebut dan mengambil tindakan yang sewajarnya (*New Straits Times* 8 Mei 2008 : Hal.12).

Sementara itu bilangan kerusi untuk jawatan exco di negeri-negeri Pulau Pinang, Perak dan Selangor juga tidak mencerminkan komposisi penduduk di negeri-negeri berkenaan. Jumlah penduduk Melayu di Pulau Pinang adalah seramai 43%, Perak 54% dan Selangor 56% tetapi bilangan exco Melayu yang dilantik adalah kurang 40%. Penduduk Melayu di negeri-negeri berkenaan telah menuntut supaya bilangan exco Melayu ditambah tetapi permintaan mereka tidak dilayan.

## 2. Dasar Kerajaan Negeri yang mengutamakan orang bukan Melayu

Dasar-dasar yang dilaksanakan di negeri-negeri yang dikuasai pembangkang seperti di Pulau Pinang, Perak dan Selangor adalah lebih menguntungkan penduduk bukan Melayu. Sebagai contohnya sejurus selepas kemenangan pembangkang di Pulau Pinang (pakatan DAP dan PKR) Ketua Menteri secara spontan telah memperlekehkan Dasar Ekonomi Baru (*Berita Minggu* 16 Mac 2006 : 14). Di Perak, Menteri Besar telah mengumumkan pemberian hak milik kekal tanah kepada penduduk kampung baru yang menduduki tanah kerajaan yang majoritinya terdiri daripada orang-orang Cina (*New Straits Times* 17 April 2008 : 16). Di Selangor pula kerajaan negeri telah meluluskan pemindahan kawasan ternakan babi di kawasan seluas 400 ekar yang menelan belanja RM100 juta ke daerah Sepang yang kawasan sekitarnya didiami oleh orang Melayu. Ketiga-tiga kerajaan negeri tersebut juga telah mengurangkan cukai tanah kepada RM1 setahun ke atas sekolah yang didirikan di atas tanah persendirian, yang kebanyakannya terdiri daripada sekolah Cina (*New Straits Times* 15 April 2008 : 13).

## 3. Orang bukan Melayu semakin lantang mengecam pemimpin Melayu, budaya Melayu dan agama Islam

Senario selepas PRU-12 juga memperlihatkan kelantangan setengah-setengah pemimpin bukan Melayu terhadap hal-hal berkaitan orang Melayu. Sebagai contohnya presiden MCA dan DAP telah mengecam Tengku Mahkota Kelantan yang cuba mempertahankan hak istimewa orang Melayu yang sedia diperuntukkan di dalam perlembagaan persekutuan (*New Straits Times* 15 April 2008 : 6). MCA juga mengatakan isu Keris Panca Warisan yang dicium oleh Ketua Pemuda UMNO semasa Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 2005 dan 2006 adalah di antara punca kekalahan ramai calon mereka. Ketua Pemuda tersebut telah memohon maaf walhal mencium keris di sesuatu majlis rasmi adalah salah satu adat resam Melayu (*New Straits Times* 26 April 2008 : 10).

MIC juga telah menyalahkan UMNO atas kekalahannya dengan mengaitkan isu merobohkan kuil haram di tanah kerajaan walaupun ianya telah diluluskan oleh pihak mahkamah (*New Straits Times* 30 April 2008 : 11). Di samping itu sesetengah pemimpin Gerakan turut menyalahkan UMNO atas kekalahan parti tersebut:

*Some party leaders agree there is a perception among members that the party, being a junior member of BN had allowed itself to be 'bullied' by UMNO.*

*(New Straits Times : 2 Mei 2008 : 26)*

Pengerusi DAP juga telah banyak kali menentang penubuhan negara Islam sehingga menerima ancaman bunuh daripada orang Islam di Johor (*New Straits Times* 2 Mei 2008 : Hal. 26). Malangnya UMNO tidak bersuara untuk mempertahankan hak-hak orang Melayu yang dihina oleh pemimpin-pemimpin

bukan Melayu di atas, sehingga ada yang mengatakan UMNO sudah tidak relevan dengan permasalahan orang Melayu (*Suara Keadilan* 23 April 2008 : 13).

#### **4. Perpaduan di kalangan orang Melayu semakin lemah**

Keadaan ini boleh diperhatikan melalui rentetan beberapa peristiwa selepas berlangsungnya PRU-12. Wakil rakyat yang dicalonkan oleh Presiden UMNO bagi jawatan Menteri Besar telah ditolak oleh Sultan Terengganu dan Perlis. Perkara tersebut tidak sepatutnya berlaku sekiranya terdapat keutuhan perpaduan di kalangan ahli-ahli UMNO dan juga di antara pemimpin UMNO dan Sultan (*New Straits Times* 18 Mac 2008 : 12). Pemimpin-pemimpin Melayu juga salah menyalahkan antara satu sama lain atas pencapaian yang buruk dalam PRU-12. Ada yang mengatakan pucuk pimpinan UMNO adalah lemah, pengundi-pengundi sabotaj, bekas-bekas pemimpin bertanggung jawab terhadap kekalahan tersebut dan sebagainya. (*New Straits Times* 17 April 2008 : 12). Pemimpin-pemimpin Melayu dari parti-parti pembangkang gembira di atas perpecahan tersebut (*Suara Keadilan* 9 April 2008 : 32).

#### **5. Agenda Pembangunan Bumiputera pada peringkat nasional dan negeri terabai**

Selepas PRU-12 agenda untuk meningkatkan lagi ekonomi Bumiputera, menambahkan bilangan professional Melayu, mengurangkan kadar pengangguran lepasan sekolah, membasmi masalah penagihan dadah, gejala sosial, kemiskinan, setingan dan lain-lain masalah yang berkaitan dengannya sudah tidak kedengaran lagi.

Kedudukan ekonomi Bumiputera telah merosot daripada lebih kurang 19% pada tahun 1989 kepada 17% pada tahun 2006. Pada tahun 2000 kadar pengangguran di kalangan orang Melayu adalah tertinggi, iaitu 4% berbanding dengan orang Cina 1.6% dan India 2.7%. Penduduk Bumiputera yang seramai 14.5 juta (66.1%) pada tahun 2000 berbanding dengan orang Cina 5.58 juta (25.3%) dan India 1.63 juta (7.4%) hanya menguasai 27.3% (berbanding dengan orang Cina 54.4% dan India 17%) dalam bidang profesional (Norhayati binti Mohd. Salleh 2005 : 96 – 107).

Dalam bidang pendidikan, walaupun bilangan pelajar lelaki dan perempuan hampir sama pada peringkat sekolah tetapi ramai pelajar lelaki yang tidak berjaya memasuki universiti. Pada peringkat universiti setakat tahun 2004 nisbah pelajar lelaki dan perempuan ialah 25% : 75%. Daripada segi statistik jenayah pula menunjukkan lebih 80% daripada mereka yang terlibat dengan kesalahan dadah, ragut dan rempit adalah terdiri daripada orang Melayu (Norhayati binti Mohd. Salleh 2005 : 101 – 104).

Perkembangan ini memperlihatkan bahawa orang Melayu masih lagi mengalami kelemahan dalam beberapa bidang penting. Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan segera ditakuti keadaan akan menjadi lebih serius dan semakin sukar untuk diatasi pada masa akan datang. Usaha-usaha untuk merealisasikan agenda pembangunan tersebut kelihatannya akan semakin sukar kerana BN sudah tidak menguasai 2/3 majoriti di Parlimen dan semakin ramai ahli pembangkang adalah terdiri daripada orang bukan Melayu. Sehubungan ini

ahli-ahli pembangkang sudah tentu akan menghalang kelulusan sesuatu rang dasar berkaitan agenda tersebut. Sekiranya dasar tersebut diluluskan terdapat satu lagi halangan di peringkat negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang. Malahan setakat ini sudah kedengaran beberapa masalah pelaksanaan projek pembangunan seperti Projek Jambatan dan Monorel di Pulau Pinang, bekalan air di Selangor dan landasan keretapi berkembar ke utara (*The Edge* 28 April 2008 : Hal. 1 & 64 – 67). Projek-projek tersebut telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat kepada syarikat yang dimiliki oleh orang Melayu dan syarikat-syarikat milik kerajaan (GLCs) tetapi telah menghadapi masalah untuk dilaksanakan di negeri-negeri tersebut.

### **Cadangan-cadangan bagi Mengatasi Masalah yang Dihadapi oleh Orang Melayu**

PRU-12 telah memperlihatkan perubahan besar dalam masyarakat Melayu negara ini khususnya daripada segi pemikiran dan tindakan politik semasa pilihan raya. Bagaimanapun perubahan daripada segi tindakan tersebut nampaknya tidak memberikan impak yang positif kepada orang Melayu secara keseluruhannya. Bebarapa cadangan telah dikenalpasti bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh orang Melayu, UMNO dan juga BN. Antara cadangan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

#### **1. Pemimpin-pemimpin yang dipilih perlu menjalankan amanah terhadap rakyat**

Orang Melayu yang diberi amanah sebagai pemimpin dan pentadbir mestilah menjalankan tugasnya dengan lebih berdedikasi dan efektif bagi menjayakan hasrat untuk meningkatkan martabat orang Melayu. Mereka tidak sepatutnya menjadi penyangak yang tamak haloba dan rasuah yang menggagalkan rancangan memajukan bangsa mereka. Di samping itu mereka juga perlu berusaha melaksanakan janji-janji yang ditabur semasa pilihan raya (*New Straits Times* 17 April 2008 : Hal. 22). Kegagalan mereka untuk melaksanakan janji-janji ini dalam tempoh satu penggal pilihan raya akan mendorong rakyat untuk membuat pilihan yang lain (*Dewan Masyarakat* Edisi Khas PRU Ke-12. : April 2008 : 54).

#### **2. Memulihkan kepercayaan rakyat terhadap BN**

Kepercayaan rakyat terhadap BN perlu dipulihkan. Keputusan PRU-12 turut memperlihatkan perpecahan undi di kalangan orang Melayu kepada UMNO, PKR dan Pas. UMNO yang dikatakan memperjuangkan kepentingan orang Melayu semakin kurang sambutannya khususnya di kalangan orang Melayu yang tinggal di bandar, iaitu orang Melayu yang berpendapatan rendah dan sederhana. Mereka merasakan masalah mereka tidak diberi perhatian oleh UMNO. Menurut mereka UMNO lebih mewakili golongan korporat dan elit.

Sehubungan ini masalah kenaikan harga barangan, kenaikan kadar tol, kenaikan kadar gaji, peningkatan kadar rasuah, jenayah dan penyalahgunaan kuasa sudah tidak lagi kedengaran diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Ini menyebabkan ramai orang Melayu lebih tertarik kepada PKR dan Pas yang lebih memperjuangkan masalah-masalah yang disebutkan di atas. Sekiranya

UMNO ingin mendapat kepercayaan rakyat, pemimpin-pemimpinnya perlu mendekati rakyat dan memperjuangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh semua ahlinya bukan segelintir ahli sahaja. Ini adalah kerana terdapat orang Melayu yang sudah mula mempersoalkan adakah UMNO masih lagi relevan dengan masalah-masalah orang Melayu (*New Straits Times* 17 April 2008 : Hal. 8). Sehubungan ini Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah telah mencadangkan:

*Governments can no longer just offer their citizens material wealth. The intangible benefits of development, including an absence of corruption, abuse and repression, and the protection and enlargement of individual rights and freedoms, are now equally important goods that citizens demand and which governments must deliver.*

(*The Edge* 28 April 2008 : 16)

### **3. Meningkatkan perpaduan di kalangan orang Melayu**

Rentetan daripada PRU12 juga memperlihatkan percakapan antara pemimpin dan ahli-ahli parti yang menuduh antara satu sama lain mengenai kemerosotan pencapaian mereka dalam pilihan raya tersebut. Apa yang pasti kemerosotan tersebut adalah akibat kelemahan strategi dan pelaksanaan perancangan UMNO yang gagal menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh majoriti orang Melayu. Adalah penting supaya imej parti dan keyakinan ahli-ahli parti sebanyak lebih tiga juta orang itu mesti dipulihkan kembali walau dengan apa cara sekalipun. Pemimpin-pemimpin parti perlu membincangkan kelemahan parti secara terbuka, berlapang dada dan jika perlu bercermin diri bagi melihat dan mengenal pasti kecacatan diri (*Dewan Masyarakat* Edisi Khas PRU Ke-12 April 2008 : 29).

Selain daripada itu pemimpin-pemimpin yang dipilih perlu menjalankan tugas-tugas mereka dengan sebaik-baiknya kerana pilihan raya sudah berakhir dan mereka telah diberi amanah oleh rakyat. Salah satu amanah yang penting ialah untuk menyatupadukan orang Melayu supaya menjadi kuat dalam bidang politik, ekonomi dan pendidikan. Sekiranya mereka kukuh maka tidak akan ada suara-suara yang memperlekehkan Dasar Ekonomi Baru, adat istiadat Melayu, Bahasa Melayu dan agama Islam. Malah pada masa kini sudah kedengaran suara-suara daripada pemimpin-pemimpin bukan Melayu yang mempersoalkan hak keistimewaan orang Melayu yang termaktub di dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan (*Mingguan Malaysia* 4 Mei 2008 : 1).

### **4. Orang Melayu yang berjaya perlu membantu Orang Melayu yang lain**

Untuk menjadi kuat orang-orang Melayu perlu kukuh dari segi politik, pendidikan dan ekonomi. Mungkin telah tiba masanya bagi orang Melayu untuk bangkit dan berusaha sendiri tanpa mengharapkan pertolongan daripada kerajaan atau pemimpin mereka. Mereka yang berjaya dalam bidang politik dan ekonomi serta pendidikan perlu bersatu dan membantu orang Melayu yang masih ketinggalan. Sebagai contohnya syarikat-syarikat besar dan korporat Melayu boleh membantu orang Melayu yang masih ketinggalan dengan cara membimbing dan memberi pertolongan daripada segi kewangan, kepakaran, peluang niaga,

pengurusan dan pemasaran terutamanya kepada peniaga-peniaga kecil. Mereka juga perlu memberikan biasiswa, peluang latihan dan pekerjaan terhadap belia-belia Melayu lepasan sekolah dan universiti. Dengan cara demikian orang Melayu dapat meningkatkan ekonomi mereka, kepakaran, mengurangkan pengangguran dan mengurangkan masalah sosial. Ini adalah kerana kerajaan kini tidak sekuat dahulu dan sesetengah pemimpinnya lebih mementingkan urusan peribadi masing-masing daripada menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh majoriti orang Melayu. Perlunya orang Melayu yang berjaya membantu meningkatkan orang Melayu yang lain juga disuarakan oleh Prof. Diraja Ungku Aziz:

*Orang Melayu yang berjaya kerana dasar-dasar kerajaan harus juga membantu orang Melayu lain. Jangan sudah lepas ke atas mereka ini seolah-olah terpisah dari kelompok di bawah. Jangan jadi seperti kacang lupakan kulit.*

(*Mingguan Malaysia* : 15 Ogos 2004 : 6)

##### **5. Kerajaan mesti tegas dalam melaksanakan undang-undang**

Sebelum ini telah disebutkan beberapa isu serius yang dimanipulasikan oleh pihak pembangkang dalam kempen PRU12 seperti peningkatan kadar rasuah, jenayah dan penyalahgunaan kuasa dalam kerajaan. Hal ini berkaitan rapat dengan ketegasan kerajaan dalam perlaksanaan undang-undang negara. Oleh itu kerajaan perlu memastikan undang-undang dilaksanakan dengan tegas tanpa mengira kedudukan pelaku kesalahan supaya isu jenayah, rasuah dan penyalahgunaan kuasa tidak lagi menjadi masalah yang membelenggu keyakinan rakyat dan orang luar terhadap sistem kehakiman negara ini.

Mereka yang memperlekehkan budaya Melayu, Bahasa Melayu dan agama Islam pula perlu dikenakan tindakan yang sewajarnya, seperti tindakan di bawah Akta Rahsia Rasmi atau Akta Keselamatan Dalam Negeri bagi mengelakkan Tragedi Rusuhan Kaum 13 Mei 1969 daripada berulang.

## **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan dapatlah dirumuskan bahawa kemerosotan pencapaian BN yang dipelopori oleh UMNO dalam PRU-12 akibat penolakan terhadap BN dianggap sebagai "Tsunami" Politik Melayu. Terdapat beberapa faktor dalaman dan luaran yang boleh dikaitkan dengan arus penolakan tersebut. Bagaimanapun kesan yang ditinggalkan adalah sangat ketara ke atas orang Melayu sebagai penduduk majoriti negara ini yang rata-ratanya masih ketinggalan dalam berbagai bidang. Adalah diharapkan agar cadangan-cadangan yang dikemukakan akan dapat memperbaiki kesan-kesan negatif yang timbul daripadanya. Sayugia diingatkan bahawa orang Melayu juga perlulah bangkit dan berganding bahu dengan semangat juang yang kental bagi meningkatkan martabat bangsa mereka. Ingatlah bahawa semangat ingin berjaya dan boleh berjaya bermula dan berakhir dengan orang Melayu sendiri. Sekiranya ada bantuan daripada dasar-dasar kerajaan selepas ini anggaplah ia sebagai bonus atau pemangkin yang mesti digunakan oleh orang Melayu dengan sebaik-baiknya kerana kita tidak boleh mengharap pertolongan tersebut untuk selama-lamanya.

## Rujukan

*Berita Minggu*. 16 Mac 2008.

Chandra Muzaffar. 1989. *The New Economic Policy : Development and Alternative Consciousness*. Pulau Pinang:ALIRAN.

Crouch, H. 1996. *Government and Society in Malaysia*. Australia: Cornell University Press.

*Dewan Masyarakat* Edisi Khas PRU Ke 12, April 2008

*Eight Malaysia Plan (2000 – 2005)*.

*Fifth Malaysia Plan (1986 – 1990)*.

Gomez, E.T. and Sundram, J.K. 1999. *Malaysia's Political Economy : Politics, Patronage and Profits*. New York: Cambridge University Press.

INTAN. 1988. *Dasar-dasar Utama Kerajaan Malaysia*. Bukit Kiara:INTAN .

INTAN. 1992. *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*. Bukit Kiara: INTAN.

Mahler, G.S. *Comparative Politics : An Institutional and Cross-National Approach*. New Jersey: Prentice Hall.

*Mid-Term Review of the Fifth Malaysia Plan (1986 – 1990)*.

*Mingguan Malaysia*, 15 Ogos 2004.

*Mingguan Malaysia*, 4 Mei 2008.

*New Straits Times*, 10 Mac 2008.

*New Straits Times*, 15 April 2008.

*New Straits Times*, 16 Mac 2008.

*New Straits Times*, 17 April 2008.

*New Straits Times*, 18 Mac 2008.

*New Straits Times*, 19 Mac 2008.

*New Straits Times*, 2 Mei 2008.

*New Straits Times*, 2 Mei 2008.

*New Straits Times*, 21 Mac 2008.

*New Straits Times*, 26 April 2008.

*New Straits Times*, 7 April 2008.

*New Straits Times*, 8 Mei 2008.

Norhayati binti Mohd Salleh. 15 April 2008. *Pilihanraya Umum KE 12 (PRU12) dan Isu Dasar Ekonomi Baru*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pasca Pilihan raya Umum Ke 12 (PRU12) di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi. UiTM Shah Alam.

Norhayati binti Mohd Salleh. 2005. “*Quo Vadis*” *Melayu? : Ke mana Arah Tuju Bumiputera?* dalam Modul Latihan dan Pembangunan Pelajar (Peringkat Ijazah/Profesional). Shah Alam: UPEN.

*Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 – 2010)*.

*Seventh Malaysia Plan (1996 -2000)*.

Shukor Omar. 2006. *Malay Business : Revivalism Through Entrepreneurship*. Selangor: Pelanduk Publication.

*Sixth Malaysia Plan (1991 – 1995)*

*Suara Keadilan*, 12 Mac 2008.

*Suara Keadilan*, 19 April 2008.

Sundram, J.K. 1994. *U-Turn? Malaysian Economic Development Policies After 1990*. Australia: James Cook University of North Queensland.